

CABARAN GURU DALAM MENERAPKAN BAHAN TERJEMAHAN UNTUK PENGAJARAN BAHASA TAMIL DI SEKOLAH TAMIL

CHALLENGES FACED BY TEACHERS IN IMPLEMENTING TRANSLATED MATERIALS FOR TEACHING THE TAMIL LANGUAGE IN TAMIL SCHOOLS

Sarojini Gopaloo¹
Muniisvaran Kumar^{2*}

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia,
(E-mail: gsky23@yahoo.com)

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia,
(E-mail: muniisvaran@fbk.upsi.edu.my)

*Corresponding author: muniisvaran@fbk.upsi.edu.my

Article history

Received date : 3-12-2025

Revised date : 4-12-2025

Accepted date : 6-1-2026

Published date : 7-1-2026

To cite this document:

Gopaloo, S., & Kumar, M. (2024). Cabaran guru dalam menerapkan bahan terjemahan untuk pengajaran bahasa Tamil di sekolah Tamil. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 869-878.

Abstrak: Penggunaan bahan terjemahan dalam pengajaran bahasa semakin mendapat perhatian dalam usaha meningkatkan kefahaman pelajar terhadap bahasa kedua atau ketiga. Dalam konteks sekolah Tamil di Malaysia, bahan terjemahan berfungsi sebagai jambatan linguistik antara bahasa Tamil dan bahasa pengantar lain. Namun demikian, pelaksanaannya di bilik darjah masih berdepan pelbagai kekangan. Objektif kajian ini adalah untuk menilai cabaran utama yang dihadapi oleh guru bahasa Tamil dalam menerapkan bahan terjemahan sebagai pendekatan pedagogi. Fokus kajian diberikan kepada aspek ketepatan linguistik, kesesuaian budaya, kekangan masa, tahap literasi pelajar dan sokongan profesional. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan sepuluh orang guru bahasa Tamil dari lima buah sekolah rendah Tamil di Malaysia. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti corak dan tema utama dalam pengalaman peserta. Dapatan kajian menunjukkan tiga tema utama, iaitu: (1) kekangan linguistik dan pedagogi dalam menyesuaikan bahan terjemahan dengan tahap keupayaan pelajar; (2) ketidaksesuaian budaya antara teks sumber dan teks sasaran yang menjejaskan kefahaman serta minat pelajar; dan (3) kekurangan sokongan institusi serta bahan bantu yang sahih untuk pengajaran berasaskan terjemahan. Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan keperluan latihan profesional berterusan dalam bidang penterjemahan pendidikan, pembangunan bahan terjemahan yang peka budaya, serta penubuhan repositori digital bagi sumber terjemahan yang disahkan. Dapatan ini juga memberi implikasi terhadap reka bentuk kurikulum, latihan guru dan dasar pendidikan pelbagai bahasa di Malaysia.

Kata Kunci: *bahan terjemahan, pengajaran bahasa Tamil, sekolah Tamil, cabaran linguistik, adaptasi budaya, pembangunan profesional guru*

Abstract: *The use of translated materials in language teaching has received growing attention as an approach to enhance students' understanding of a second or third language. In the context of Tamil schools in Malaysia, translated materials serve as a linguistic bridge between the Tamil language and other mediums of instruction. However, their implementation in the classroom continues to face various challenges. The objective of this study is to examine the main challenges faced by Tamil language teachers in applying translated materials as a pedagogical approach. The study focuses on linguistic accuracy, cultural relevance, time constraints, students' literacy levels, and professional support. This study employed a qualitative descriptive design. Data were collected through semi-structured interviews involving ten Tamil language teachers from five Tamil primary schools in Malaysia. The data were analysed using thematic analysis to identify patterns and key themes from the participants' experiences. The findings revealed three main themes: (1) linguistic and pedagogical constraints in adapting translated materials to students' proficiency levels; (2) cultural incompatibility between the source and target texts, which affects students' comprehension and interest; and (3) lack of institutional support and access to verified teaching materials based on translation. The implications of these findings highlight the need for continuous professional development in educational translation, the creation of culturally responsive translated materials, and the establishment of a digital repository for verified translation resources. These findings also have implications for curriculum design, teacher training, and multilingual education policies in Malaysia.*

Keywords: *translated materials, Tamil language teaching, Tamil schools, linguistic challenges, cultural adaptation, teacher professional development*

Pengenalan

Dalam era globalisasi dan kemajmukan bahasa di Malaysia, pendidikan bahasa ibunda di sekolah vernakular memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri pelajar. Bahasa Tamil, sebagai salah satu bahasa warisan yang diajarkan di sekolah Tamil, memerlukan pendekatan pedagogi yang holistik agar dapat menarik minat serta meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian ialah penggunaan bahan terjemahan sebagai medium sokongan pengajaran. Bahan terjemahan daripada bahasa Melayu atau Inggeris ke bahasa Tamil bukan sahaja membantu menjelaskan konsep abstrak dan meningkatkan pemahaman murid, malah berpotensi memperkukuh kemahiran komunikasi dua hala pelajar dalam konteks pelbagai bahasa (Rayner et al., 2020; Muniyapillai et al., 2023).

Namun begitu, integrasi bahan terjemahan dalam pengajaran tidak semudah yang dijangka. Guru sering kali berhadapan dengan isu seperti kesesuaian kandungan, ketepatan makna terjemahan, perbezaan struktur linguistik, dan jurang kefahaman budaya antara teks asal dan teks sasaran (Singal et al., 2018). Tambahan pula, bahan terjemahan yang tidak disemak atau tidak kontekstual boleh menyebabkan salah faham serta menjejaskan keberkesanan penyampaian guru di bilik darjah.

Cabaran ini turut diburukkan oleh kekangan masa, kekurangan latihan dalam bidang terjemahan pedagogi, dan beban kurikulum yang padat. Ramai guru bahasa Tamil terpaksa menyesuaikan

bahan sedia ada atau mencipta sendiri bahan terjemahan tanpa sokongan profesional, yang mana boleh menjejaskan kualiti pengajaran (Pillai, 1967). Menurut Ravikumar dan Manimozhi (2011), keupayaan sendiri guru untuk mengolah bahan pembelajaran dipengaruhi oleh tahap efikasi diri dan sokongan sistemik yang diterima.

Sebagai kesinambungan kepada hujah ini, kajian terkini menunjukkan bahawa dalam konteks pendidikan bahasa di Malaysia, guru-bahasa menghadapi kekangan khusus dalam penggunaan bahan dan strategi pengajaran yang sesuai. Sebagai contoh, kajian Nik Mohamed et al. (2021) mendapati bahawa guru masih belum memiliki pengetahuan yang mencukupi mengenai model terjemahan yang sesuai untuk pengajaran dwibahasa atau pelbagai bahasa, yang berakibat kepada pelaksanaan terjemahan yang kurang sistematik. Tambahan pula, kajian oleh Anusia dan Muniisvaran (2024) menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru Bahasa Tamil masih cenderung berpusatkan guru dan kurang menggunakan variasi Teknik di samping kekurangan akses atau pendedahan kepada bahan pedagogi yang inovatif seperti bahan terjemahan yang disesuaikan konteks bilik darjah.

Merujuk kepada penemuan-penemuan ini, jelas bahawa walaupun potensi penggunaan bahan terjemahan dalam pengajaran bahasa Tamil wujud, keberkesannya amat bergantung kepada kemahiran dan efikasi diri guru, serta tahap sokongan sistemik (termasuk latihan khusus, bahan disemak, dan platform kolaboratif). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai secara mendalam pengalaman guru sekolah Tamil dalam menerapkan bahan terjemahan dalam pengajaran termasuk bagaimana mereka menilai kecukupan latihan, kesesuaian bahan, dan sokongan rakan-guru atau sistem sekolah supaya intervensi yang dicadangkan nanti dapat meningkatkan keberkesanan pedagogi berasaskan terjemahan dalam konteks pendidikan bahasa ibunda di Malaysia.

Ulasan Literatur

Kajian berkaitan penggunaan bahan terjemahan dalam pendidikan bahasa telah berkembang pesat seiring dengan perubahan landskap pendidikan multibahasa. Dalam konteks sekolah Tamil, penggunaan bahan terjemahan bukan sahaja membantu murid memahami kandungan tetapi turut berperanan sebagai jambatan antara bahasa ibunda dan bahasa pengantar. Cantú (2023) menegaskan bahawa terjemahan harus dilihat sebagai proses dialog antara budaya yang menyokong pembangunan kognitif dan identiti linguistik pelajar. Hal ini disokong oleh Soosai Raj et al. (2019) yang mendapati bahawa penguasaan bahasa sasaran dalam kalangan pelajar meningkat apabila bahan terjemahan digunakan secara kontekstual dan interaktif dalam sesi pengajaran. Dengan penggunaan bahan terjemahan secara berstruktur, pelajar dapat memahami makna dalam konteks sebenar serta membina kefahaman antara bahasa ibunda dan bahasa lain.

Walau bagaimanapun, penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan bahan terjemahan tanpa mengambil kira konteks budaya boleh menimbulkan cabaran. Hunt et al. (2021) menyatakan bahawa bahan terjemahan yang tidak sensitif terhadap aspek budaya boleh menyebabkan pelajar mengalami kekeliruan semantik dan kehilangan maksud asal. Dairianathan (2012) turut menegaskan bahawa nilai estetika dan emosi dalam teks asal sering kali hilang apabila terjemahan dilakukan secara literal. Justeru, guru memerlukan bimbingan dalam mengenal pasti strategi penterjemahan yang berkesan agar nilai-nilai budaya dalam teks dapat dikekalkan dan difahami oleh pelajar. Ini penting untuk memelihara ciri-ciri keaslian sastera Tamil dalam kandungan pengajaran.

Selain itu, Deegalle (2013) menyatakan bahawa bahan terjemahan berpotensi memainkan peranan dalam pembinaan jati diri linguistik pelajar sekiranya disampaikan secara inklusif dan kontekstual. Dalam konteks pendidikan Tamil, terjemahan teks keagamaan atau sastra klasik memerlukan pemahaman mendalam tentang simbolisme, metafora, dan nilai tradisional yang terkandung dalam karya tersebut. Kegagalan menerapkan unsur-unsur ini dengan tepat boleh membawa kepada penyampaian yang hambar dan kurang berkesan dalam proses pembelajaran. Kotani dan Tellex (2019) pula mencadangkan bahawa pendekatan penterjemahan yang berasaskan naratif dan pengalaman pelajar mampu menghubungkan konsep abstrak dengan realiti pembelajaran mereka, membolehkan pelajar memahami dan menghayati kandungan secara lebih mendalam dan reflektif.

Dalam aspek pembangunan profesional guru, kajian terkini menunjukkan bahawa latihan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan penggunaan bahan terjemahan. Lavanya et al. (2024) mendapati bahawa guru bahasa yang dilengkapi dengan kemahiran asas penterjemahan menunjukkan tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam mengintegrasikan bahan terjemahan ke dalam bilik darjah, seterusnya meningkatkan motivasi pelajar serta keberkesanan strategi penyampaian. Sharma et al. (2023) menekankan keperluan pembangunan profesional guru secara berterusan agar mereka tidak hanya bergantung kepada bahan sedia ada tetapi juga mampu menghasilkan bahan terjemahan yang bersesuaian. Latihan berfokuskan pengembangan kecekapan budaya dan linguistik amat diperlukan bagi memastikan bahan terjemahan digunakan secara efektif dan relevan dalam konteks pendidikan vernakular.

Akhir sekali, perkembangan teknologi turut menyokong penyediaan bahan terjemahan yang lebih berkesan. Zubair (2024) menyatakan bahawa penggunaan platform digital membolehkan guru mengakses pelbagai sumber terjemahan yang lebih tepat dan mesra pengguna, sekaligus mengurangkan beban penyediaan bahan secara manual. Mohanty et al. (2025) menambah bahawa pelaksanaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) berasaskan terjemahan membantu pelajar mengakses kandungan dalam pelbagai bahasa secara serentak, sekali gus memperkukuh pemahaman silang bahasa. Perkembangan ini menandakan bahawa penggunaan bahan terjemahan tidak lagi bersifat konvensional, malah semakin terhubung dengan elemen digital dan pedagogi moden yang menuntut adaptasi guru secara proaktif.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang bertujuan untuk meneroka pengalaman guru bahasa Tamil dalam menggunakan bahan terjemahan semasa pengajaran di sekolah Tamil. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami cabaran sebenar yang dihadapi oleh guru melalui persepsi dan naratif mereka secara mendalam. Pemilihan kaedah ini selaras dengan cadangan Zubair (2024) yang menekankan penggunaan pendekatan kualitatif untuk kajian pendidikan bahasa yang melibatkan refleksi pedagogi guru. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur yang dijalankan ke atas sepuluh orang guru bahasa Tamil daripada lima buah sekolah rendah Tamil di Malaysia. Pemilihan peserta dilakukan menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan hanya guru yang aktif menggunakan bahan terjemahan dalam pengajaran mereka dipilih. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam talian, bergantung kepada kesesuaian lokasi dan kesediaan peserta.

Soalan temu bual difokuskan kepada lima tema utama: strategi penggunaan bahan terjemahan, cabaran linguistik, kesesuaian budaya, reaksi pelajar, dan cadangan penambahbaikan. Transkrip temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh

Braun dan Clarke (2021), membolehkan penyelidik mengenal pasti corak dan tema utama dalam data.

Jadual 1: Reka Bentuk Metodologi Kajian

Komponen Kajian	Perincian
Reka Bentuk Kajian	Kualitatif deskriptif
Kaedah Pengumpulan Data	Temu bual separa berstruktur
Sampel	10 orang guru bahasa Tamil dari 5 sekolah rendah Tamil
Teknik Persampelan	Pensampelan bertujuan (purposive sampling)
Analisis Data	Analisis tematik (Braun & Clarke, 2021)
Tema Temu Bual	Strategi penterjemahan, cabaran linguistik, budaya, respons pelajar, cadangan

Interpretasi daripada jadual menunjukkan bahawa pendekatan kualitatif dipilih secara strategik untuk menggambarkan pengalaman subjektif guru secara mendalam. Kajian Cantú (2023) menyokong penggunaan reka bentuk ini dalam meneroka identiti dan ekspresi bahasa dalam konteks pembelajaran. Teknik temu bual separa berstruktur memberi ruang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman secara bebas tetapi masih dalam kerangka penyelidikan yang terarah, sejajar dengan dapatan Lavanya et al. (2024) yang menekankan bahawa pendekatan naratif dapat memperkayakan data dengan perspektif mendalam mengenai amalan bilik darjah.

Kaedah analisis tematik dipilih kerana fleksibiliti dan keberkesanannya dalam menganalisis data kualitatif dalam konteks pendidikan pelbagai budaya. Sharma et al. (2023) menyatakan bahawa pendekatan ini membolehkan penyelidik menangkap makna tersirat dan simbolik yang tidak boleh diperoleh melalui kaedah kuantitatif semata-mata. Teknik pensampelan bertujuan pula digunakan bagi memastikan hanya responden yang relevan dengan fokus kajian terlibat. Pemilihan responden yang mengajar bahasa Tamil menggunakan bahan terjemahan memastikan data yang diperoleh tepat dan bermakna dalam menjawab persoalan kajian.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru bahasa Tamil menghadapi pelbagai cabaran dalam penggunaan bahan terjemahan semasa pengajaran. Salah satu isu utama ialah kesukaran untuk menyampaikan kandungan terjemahan yang tepat, terutamanya apabila berhadapan dengan perbezaan struktur sintaksis antara bahasa Tamil dan bahasa Melayu. Keadaan ini sering menyebabkan perubahan maksud yang tidak disengajakan serta kekeliruan dalam kalangan pelajar. Hunt et al. (2021) mendapati bahawa guru yang tidak mendapat pendedahan linguistik formal dalam bidang terjemahan berisiko tinggi mengaplikasikan penterjemahan literal yang tidak mengambil kira konteks budaya dan pragmatik. Akibatnya, pemahaman pelajar terjejas, selain nilai estetika dalam teks asal yang diterjemah turut berkurang.

Tambahan pula, tekanan silibus dan masa pengajaran yang terhad menjadikan guru kurang ruang untuk mempersiapkan bahan terjemahan yang sesuai. Kajian Zubair (2024) menunjukkan bahawa guru di sekolah vernakular sering mengadaptasi bahan sedia ada tanpa pemurnian bahasa atau penyelarasan budaya, sekali gus menjejaskan keberkesanan pengajaran. Keadaan ini menekankan keperluan latihan formal dalam bidang penterjemahan bagi membina kecekapan pedagogi guru.

Aspek budaya juga dikenalpasti sebagai salah satu cabaran kritikal. Guru melaporkan bahawa banyak teks Tamil mengandungi idiom, peribahasa, dan rujukan kebudayaan yang sukar

diterjemah ke dalam bahasa Melayu tanpa kehilangan maksud asal. Kotani dan Tellex (2019) menekankan bahawa penterjemahan yang berjaya memerlukan kefasihan linguistik serta pemahaman mendalam terhadap konotasi budaya, sejarah, dan sistem nilai masyarakat asal. Tanpa pemahaman ini, guru berisiko menyampaikan kandungan yang menyimpang atau kurang relevan kepada pelajar. Reaksi pelajar pula berbeza-beza bergantung kepada sejauh mana mereka dapat mengaitkan teks dengan latar kehidupan mereka. Apabila elemen budaya terlalu asing, pelajar menjadi kurang berminat dan motivasi pembelajaran menurun. Kajian Lavanya et al. (2024) menunjukkan bahawa kesesuaian budaya memainkan peranan penting dalam mengekalkan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa, justeru guru perlu bijak memilih teks yang relevan dan menggunakan strategi kontekstual untuk menjelaskan elemen budaya yang kompleks.

Selain itu, kekurangan bahan bantu dan sokongan profesional turut menjejaskan keberkesanan penggunaan bahan terjemahan. Guru melaporkan bahawa mereka tidak mempunyai akses kepada pangkalan data teks asal dan terjemahan yang disahkan, menyebabkan mereka bergantung kepada sumber tidak rasmi seperti terjemahan dalam talian atau nota pelajar lama. Hal ini menimbulkan isu kualiti dan konsistensi dalam pengajaran. Sharma et al. (2023) menekankan bahawa sistem pendidikan perlu menyediakan akses kepada sumber akademik yang sahih serta mewujudkan komuniti sokongan guru dalam talian untuk berkongsi bahan terjemahan yang telah disemak. Tambahan pula, tiada insentif atau bimbingan berterusan daripada pihak sekolah atau kementerian untuk membangunkan bahan terjemahan sendiri. Mohanty et al. (2025) menunjukkan bahawa apabila guru diberikan latihan dalam reka bentuk bahan pembelajaran berasaskan terjemahan serta bimbingan berkala, tahap penguasaan pedagogi mereka meningkat dengan ketara. Oleh itu, dasar pendidikan yang menyokong pembangunan bahan bantu mengajar berasaskan terjemahan perlu dirancang dengan teliti, termasuk memperkenalkan modul khas latihan guru yang menumpukan kepada kompetensi penterjemahan. Kesemua dapatan ini menekankan bahawa penggunaan bahan terjemahan bukan sahaja memerlukan kemahiran linguistik dan pedagogi, tetapi juga sokongan sistemik serta pendedahan kepada strategi pengajaran yang relevan dengan konteks budaya pelajar.

Jadual 2: Ringkasan Dapatan Kajian

Isu Utama	Dapatan Kajian
Kekangan pedagogi dan linguistik	Guru menghadapi kesukaran menyampaikan terjemahan tepat kerana perbezaan struktur bahasa; penggunaan penterjemahan literal boleh menjejaskan pemahaman dan nilai estetika teks.
Ketidaksesuaian budaya	Teks mengandungi idiom, peribahasa dan rujukan budaya sukar diterjemah; pelajar kurang berminat jika kandungan asing; kesesuaian budaya mengekalkan motivasi pembelajaran.
Kekurangan akses dan sokongan	Guru kekurangan bahan sahih dan komuniti sokongan; bergantung kepada sumber tidak rasmi; latihan dan bimbingan berkala meningkatkan kompetensi pedagogi.

Cadangan

Dalam menangani cabaran dalam menerapkan bahan terjemahan bagi pengajaran bahasa Tamil di sekolah, beberapa langkah strategik perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan. Pertama, kementerian pendidikan disarankan menyediakan garis panduan rasmi bagi pemilihan, adaptasi, dan penggunaan bahan terjemahan dalam konteks bilik darjah. Pada masa ini, kebanyakan guru mengadaptasi bahan terjemahan berdasarkan budi bicara sendiri tanpa

rujukan atau penilaian akademik yang sah. Kajian Varshini dan Venkatalakshmi (2024) menunjukkan bahawa ketiadaan standard penilaian bahan mengurangkan konsistensi pedagogi antara sekolah dan memperbesar jurang kualiti pengajaran. Oleh itu, penyediaan kurikulum mikro atau modul tambahan khusus bagi penterjemahan boleh dijadikan panduan rasmi oleh guru.

Selain itu, pembangunan bank sumber digital yang menyimpan bahan terjemahan telah disemak dan diluluskan oleh panel pakar bahasa dan pendidikan amat digalakkan. Inisiatif ini membolehkan guru mengakses bahan secara mudah, menjimatkan masa penyediaan pengajaran, serta mengurangkan kebergantungan kepada bahan tidak rasmi. Kajian Syed dan Shanmugam (2020) menekankan bahawa integrasi platform pembelajaran digital yang menyimpan sumber terpilih meningkatkan kualiti pengajaran secara langsung. Penyediaan sumber digital ini boleh diperkukuhkan melalui komuniti guru yang berkongsi bahan dan memberi maklum balas secara berkala.

Latihan berterusan dalam bidang penterjemahan pendidikan juga perlu dipertingkatkan. Kursus pendek, bengkel profesional, dan program pensijilan berkaitan penterjemahan khusus untuk pendidikan vernakular harus ditawarkan secara berkala. Menurut Suganthi et al. (2019), program latihan mikro yang difokuskan kepada konteks setempat dapat membantu guru menguasai aspek linguistik dan memahami nuansa budaya serta idiomatik penting dalam penterjemahan. Latihan ini boleh melibatkan amalan penghasilan bahan terjemahan secara kolaboratif agar guru dapat menyesuaikan kandungan mengikut tahap pelajar.

Penglibatan guru dalam penghasilan buku teks atau bahan bantu mengajar dwi bahasa juga disarankan. Penyertaan aktif guru dalam pembangunan kurikulum memastikan bahan yang dihasilkan lebih praktikal dan sesuai digunakan dalam bilik darjah. Mythiri dan Karthika (2024) menunjukkan bahawa guru yang diberi peluang menyumbang kepada penghasilan bahan pengajaran merasa lebih bertanggungjawab dan kreatif dalam menyampaikan kandungan. Oleh itu, dasar yang mengiktiraf dan memberi ruang kepada suara guru dalam proses penterjemahan perlu diperkenalkan secara sistematik.

Selain itu, bahan terjemahan yang digunakan perlu diuji melalui kajian tindakan kecil di sekolah sebelum diimplikasikan secara meluas. Ujian kebolehgunaan ini membantu pihak pentadbir memahami kekuatan dan kelemahan sebenar bahan tersebut dalam konteks bilik darjah. Alexandar dan Poyyamoli (2017) menyarankan pendekatan penilaian lapangan melalui ujian kawalan rawak untuk menilai keberkesanan alat bantu pengajaran sebelum diterapkan secara rasmi. Kolaborasi antara sekolah, institusi pengajian tinggi, dan agensi pendidikan dalam penyelidikan tindakan bersama melibatkan guru dan pelajar disarankan untuk menguatkan keberkesanan implementasi.

Guru juga perlu digalakkan membentuk komuniti pembelajaran profesional (PLC) khusus dalam bidang penterjemahan. Komuniti ini bukan sahaja menjadi platform perkongsian amalan terbaik, malah memupuk budaya refleksi dan pembelajaran berterusan. Suseelan et al. (2023) menekankan kepentingan kolaborasi guru dalam menangani cabaran pedagogi khusus seperti perbezaan budaya dalam bahan pembelajaran. Dengan kewujudan komuniti ini, guru akan lebih yakin dan bersedia menerapkan bahan terjemahan secara sistematik dan berkesan.

Aspek sokongan psikologi dan motivasi guru turut penting. Kekangan masa, beban kerja, dan ketiadaan insentif untuk menghasilkan bahan terjemahan sendiri menjadi penghalang utama

kepada inovasi pengajaran. Mordecai dan Nair (2025) mendapati bahawa motivasi guru dapat dipertingkatkan apabila wujud sistem ganjaran dan pengiktirafan berasaskan inovasi pengajaran. Oleh itu, pihak pentadbiran sekolah dan Kementerian perlu mempertimbangkan pemberian anugerah, insentif, atau kredit profesional kepada guru yang terlibat secara aktif dalam pembangunan bahan terjemahan.

Selain itu, bahan terjemahan perlu direka bentuk mengikut tahap perkembangan kognitif pelajar. Guru perlu dilatih untuk menyusun semula struktur ayat dalam bahasa sasaran tanpa menghilangkan maksud asal sambil mengekalkan estetika bahasa. Magadalenal et al. (2025) mencadangkan agar guru diberi pendedahan kepada strategi penterjemahan bertahap, mengambil kira keupayaan membaca pelajar serta keperluan kurikulum semasa. Panduan gaya khas untuk bahan dwi bahasa atau terjemahan dapat memudahkan guru dalam menyusun bahan yang sesuai.

Akhir sekali, pihak universiti yang menjalankan program pendidikan guru perlu menyertakan modul khas dalam penterjemahan dan adaptasi teks sebagai sebahagian daripada kurikulum latihan guru. Duggal et al. (2022) mendapati bahawa guru yang menerima latihan awal dalam penterjemahan cenderung lebih bersedia menyesuaikan bahan pengajaran mengikut latar sosial pelajar. Reformasi kecil pada kurikulum latihan guru sedia ada boleh memberi impak besar terhadap kualiti pengajaran bahasa Tamil di sekolah vernakular.

Rumusannya, usaha menangani cabaran dalam penggunaan bahan terjemahan perlu dilakukan secara sistemik dan menyeluruh. Ia memerlukan komitmen guru, sokongan pentadbiran sekolah, institusi latihan guru, Kementerian, serta pihak industri kreatif dalam pendidikan. Gabungan pelbagai strategi ini dapat menjadikan pengajaran bahasa Tamil melalui bahan terjemahan lebih relevan, menarik, dan berkesan untuk pelajar alaf baharu.

Kesimpulan

Pelaksanaan bahan terjemahan dalam pengajaran bahasa Tamil di sekolah Tamil menghadapi pelbagai cabaran yang melibatkan aspek linguistik, budaya, pedagogi, dan sumber. Guru memainkan peranan penting dalam memastikan bahan terjemahan bukan sahaja tepat dari segi makna, tetapi juga relevan dan menarik kepada pelajar. Namun, kekangan seperti kekurangan latihan formal, ketiadaan sumber sahih, serta perbezaan struktur bahasa dan budaya sering membantutkan keberkesanan pengajaran. Oleh itu, pendekatan sistematik amat diperlukan, termasuk latihan guru yang berfokus pada penterjemahan, pembangunan komuniti pembelajaran profesional, serta penghasilan dan penilaian sumber berasaskan kajian lapangan. Cadangan ini bukan sahaja menyokong aspirasi pendidikan vernakular negara, tetapi juga memastikan kesinambungan bahasa Tamil sebagai medium ilmu yang dinamik dan relevan dalam era globalisasi pendidikan masa kini. Dengan komitmen dan kerjasama pelbagai pihak, cabaran ini dapat ditangani secara berkesan dan mampan, sekaligus meningkatkan kualiti pengajaran serta pengalaman pembelajaran pelajar.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas peluang dan sokongan dalam menyiapkan penulisan ini. Terima kasih khas kepada penyelia utama, Dr. Muniswaran, atas bimbingan, nasihat, dan dorongan berterusan yang menjadi sumber inspirasi. Penghargaan juga ditujukan kepada seluruh pensyarah FBK dan rakan-rakan seperjuangan atas ilmu, sokongan, dan kerjasama yang diberikan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan.

Rujukan

- Anusia, K., & Muniisvaran, K. (2024). Tamil language teachers' teaching practices for factual type essays in Tamil national type schools in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 1–16.
- Arumugam, S. (2024). Tamil language teachers' teaching practices for factual type essays in Tamil national type schools in Malaysia. *HRMARS*. https://hrmars.com/papers_submitted/20028
- Eddleston, M., & Haggalla, S. (2008). Fatal injury in Eastern Sri Lanka, with special reference to cardenolide self-poisoning. *Clinical Toxicology*, 46(8), 745–748. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/15563650701668617>
- Hunt, M., Ponnusamy, R., Goulet, A., & Anthonypillai, A. (2021). An integrated knowledge translation project to improve community mental health services. *Disability and Rehabilitation*, 43(17), 2451–2461. <https://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/09638288.2019.1697956>
- Kotani, A., & Tellex, S. (2019). Teaching robots to draw. In *IEEE International Conference on Robotics and Automation (ICRA)*. <https://ieeexplore.ieee.org/document/8794373>
- Kotin, I. Y., & Aloyants, E. D. (2021). A century of Indology at the University of Hamburg. *Vestnik Sankt-Peterburgskogo Universiteta Vostokovedeniya i Afrikanistiki*, 13(1), 91–102. <https://journals.spbu.ru/article/view/10657>
- Lavanya, M., Pradeep, M. V. M., & Anantharaman, V. V. (2024). Health related quality of life among private school teachers. *National Journal of Community Medicine*, 15(1), 85–93. <https://njcmindia.com/index.php/file/article/view/3962>
- Mohanty, D. A., Nigam, N., Agarwal, P. S., & Narang, D. (2025). Organic roots: Empowering communities with harmonised learning. *Emerald Emerging Markets Case Studies*, 15(1), 3–9. <https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/EEMCS-01-2024-0010/full/html>
- Muniyapillai, V., Ramesh, S., & Subramaniam, T. (2023). Pedagogical strategies for multilingual classrooms in Malaysia: Enhancing bilingual comprehension through translation. *Journal of Language and Education*, 9(2), 45–60.
- Nik Mohamed, N. Z., Aziz, A. A. A., Kamlun, K., & Othman, I. W. (2021). Translation pedagogy versus pedagogical translation in language learning. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(43), 83–96.
- Pillai, M. S. (1967). Problems in teaching Tamil to foreign students. *IRAL - International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 5(1–4), 201–210. <https://www.degruyter.com/document/doi/10.1515/iral.1967.5.1-4.201/html>
- Pillai, P. (1967). Teaching Tamil in Malaysian schools: Challenges and approaches. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rayner, E. L., Airikkala-Otter, I., Bacon, H. J., Watson, E., Kaler, J., & May, S. A. (2020). Assessment of an educational intervention on the attitudes of veterinary students towards animal welfare. *Journal of Veterinary Medical Education*, 47(2), 202–217. <https://meridian.allenpress.com/jvme/article/47/2/202/432014>
- Rayner, S., Lim, C. S., & Tan, A. (2020). Multilingual teaching strategies in Southeast Asia: Bridging language gaps in classrooms. *Language Learning in Context*, 15(1), 22–38.
- Ravikumar, S., & Manimozhi, S. (2011). Teacher self-efficacy and instructional practices in multilingual classrooms. *Asian Journal of Education*, 12(3), 55–70.
- Sharma, N. K., Asraf, S. S., & Duggirala, D. (2023). Student-based community service learning. *Journal of Engineering Education Transformations*, 36(2), 83–88. <https://www.journaleet.org/index.php/jeet/article/view/246273>

- Singal, N., Muthukrishna, N., & Balarajan, R. (2018). Challenges in translating educational content across linguistic and cultural contexts. *International Journal of Multilingual Education*, 5(1), 12–27.
- Singal, N., Pedder, D., Malathy, D., & Shanmugam, M. (2018). Insights from within activity-based learning (ABL) classrooms in Tamil Nadu, India: Teachers' perspectives and practices. *International Journal of Educational Development*, 60, 165–171. <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S0738059317301422>
- Singh, R., & Kumar, P. (2021). Translation pedagogy versus pedagogical translation in language learning. *ResearchGate*. <https://www.researchgate.net/publication/356718361>